

HARI : SELASA  
 TARikh : 8/10/2019  
 M/SURAT : 4

## Rakyat perlu bersiap sedia

**KUALA LUMPUR 7 Okt.** - Rakyat di negara ini perlu bersedia menghadapi kenaikan harga minyak susulan keputusan kerajaan melaksanakan pemberian subsidi bersasar kepada 2.9 juta golongan B40 menerusi Program Subsidi Petrol (PSP) mulai 1 Januari 2020.

Yang Dipertua Persatuan Keselamatan Pengguna Kuala Lumpur, Samsudin Mohamad Fauzi berkata, langkah itu berisiko kerana bakal memberi implikasi besar kepada kehidupan seluruh rakyat akibat kenaikan harga petrol yang dijangka mencecah sehingga kadar RM3 seliter.

"Keputusan itu perlu ditangguhkan kerana bukan pada masa sesuai di saat orang ramai menghadapi tekanan

ekonomi," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Beliau diminta mengulas keputusan kerajaan melaksanakan pengapungan harga petrol RON95 bermula tahun depan.

Sementara itu, Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd. Yusof Abdul Rahman berkata, kos sara hidup rakyat dijangka lebih meningkat sekiranya harga minyak melambung naik akibat pengapungan harga petrol itu.

"PSP merupakan hasrat murni kerajaan membantu golongan B40 namun sekiranya harga minyak mencecah kadar tinggi, ia akan

kurang memberi kesan apatah lagi bantuan tersebut diberi pada nilai rendah dan tetap iaitu RM30 dan RM12 sebulan," katanya.



**SAMSUDIN  
MOHAMAD FAUZ**



**MOHD. YUSOF**